



RANCANGAN KONTINGENSI KEBANGSAAN KAWALAN TUMPAHAN MINYAK (RKKKTM)



EDISI 2014
JABATAN ALAM SEKITAR





RANCANGAN KONTINGENSI KEBANGSAAN KAWALAN TUMPAHAN MINYAK (RKKTM)

EDISI 2014
JABATAN ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar Malaysia
@JABATAN ALAM SEKITAR
Aras 1-4, Podium 2 & 3,
Wisma Sumber Asli,
No.25, Persiaran Perdana, Precint 4,
62574 PUTRAJAYA.

©Hakcipta 2014 JAS

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula secara keseluruhan bagi tujuan pendidikan, sebaran, bahan rujukan mengajar atau tujuan-tujuan lain yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada hakcipta, dengan syarat penghargaan hendaklah diberikan kepada Jabatan Alam Sekitar.

Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar.

Kandungan

Prakata	v
Penghargaan Ahli Jawatankuasa Kerja Pindaan RKKKTM	vi
Singkatan	vii

1.0 Pengenalan

1.1 Undang-Undang Kebangsaan Dan Konvensyen Antarabangsa	2
1.1.1 Undang-undang Kebangsaan	2
1.1.2 Konvensyen Antarabangsa	2
1.1.3 Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara	4
1.2 Skop	4
1.3 Objektif	4
1.4 Tindakan Berperingkat	5
1.4.1 Peringkat Pertama - Tindakan Tempatan	5
1.4.2 Peringkat Kedua - Tindakan Negeri	5
1.4.3 Peringkat Ketiga - Tindakan Serantau	6

2.0 Organisasi Rancangan

2.1 Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (JKKTM)	10
2.2 Jawatankuasa - Jawatankuasa Operasi Negara (JON)	13
2.3 Kontraktor	13
2.4 Kakitangan Utama	13
2.4.1 Penyelaras Kawasan	13
2.4.2 Pemerintahan Tempat Kejadian (<i>On-Scene Commander</i>)	14
2.5 Pusat-Pusat Kawalan	15
2.5.1 Pusat Kawalan Tumpahan Minyak	15
2.5.2 Pusat Kawalan Tumpahan Minyak	15
2.5.3 Pusat Kawalan Tempatan	15

2.6 Pegawai Perhubungan (<i>Liason Officer</i>)	16
2.6.1 Peringkat Ketiga (<i>Tier 3</i>)	16
2.7 Pakar Tempatan	16

3.0 Perlaksanaan Rancangan

3.1 Prosedur Melapor	18
3.2 Penyiasatan Awal	18
3.3 Penilaian	19
3.4 Pengendalian Bahan-Bahan Contoh	20
3.5 Prosedur Mendapatkan Bantuan Luar	20
3.6 Salvaj Dan Pemindahan Kargo	20
3.7 Prosedur Mendapatkan Bantuan Pengangkutan Udara	21
3.7.1 Pengangkutan Peralatan Dan Kakitangan Seria Tinjauan Udara	21
3.8 Penyediaan Laporan Operasi	21
3.9 Penyerahan Tuntutan	21
3.10 Penamatan Operasi	21
3.11 Pengurusan Sisa	22
3.12 Penilaian (<i>Post Spill</i>)	22
3.13 Hidupan Liar	22
3.14 Pejan Tindakbalas Kecemasan Tumpahan Minyak Tindakbalas Peringkat Pertama	23

4.0 Lain-Lain

4.1 Keselamatan Kakitangan	26
4.2 Perhubungan Awam	26
4.3 Kursus-Kursus Dan Latihan Melawan Tumpahan	27
4.4 Pindaan Dan Kajian Semula Rancangan	27

4.5 Teknik Melawan Tumpahan	27
4.5.1 Mengepung Dan Mengumpul Minyak	28
4.5.2 Penggunaan Dispersant	28
4.5.3 Pembersihan Pantai	29
4.5.4 Pengawasan Pergerakan Minyak	29
4.5.5 Pelupusan Buangan Berminyak	29

Lampiran

Lampiran 1:	Tiporan Geografi Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak	32
Lampiran 2:	Carta Alir Sistem Tindakbalas Tumpahan Minyak	33
Lampiran 3:	Tindakbalas Peringkat Pertama (Tier 1)	34
Lampiran 4:	Tindakbalas Peringkat Kedua (Tier 2)	35
Lampiran 5:	Sempadan Peraliran Negeri	36
Lampiran 6:	Tindakbalas Peringkat Ketiga (Tier 3)	37
Lampiran 7:	Senarai Perhubungan Bagi Ahli-Ahli Jawatan Kuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak	38
Lampiran 8:	Senarai Penyelaras Kawasan	42
Lampiran 9:	Carta Aliran Komunikasi	43
Lampiran 10:	Senarai Perhubungan Pejabat-Pejabat Jabatan Alam Sekitar Dan Jabatan Laut	44
Lampiran 11:	Pergerakan Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak	61
Lampiran 12:	Borang Permohonan Mendapatkan Bantuan Luar	63
Lampiran 13:	Laporan Analisis Kos	64
Lampiran 14:	Borang Tuntutan Gantirugi Kerosakan dan Pampasan Oleh Nelayan dan Pengusaha Ternakan Ikan di Malaysia	67
Lampiran 15:	Format Kenyataan Media	71
Lampiran 16:	Borang Pertukaran Maklumat	72
Lampiran 17:	Senarai Stokpil Peralatan Melawan Tumpahan Minyak	74
Lampiran 18:	Lokasi Peralatan Melawan Tumpahan Minyak Dan Keupayaan Di Malaysia	84



Prakata *Dato' Halimah Hassan*

Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak ini telah berjaya dikemaskini dan diterbitkan.

Dalam usaha mengawal pencemaran akibat tumpahan minyak yang berlaku di perairan Malaysia, Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak merupakan panduan dan rujukan kepada semua agensi awam dan swasta yang terlibat di dalam kerja-kerja pembersihan tumpahan minyak tersebut. Melalui pengemaskinian Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak, pelbagai aspek telah diambil kira bagi memperkukuhkan strategi dan pelaksanaan kawalan tumpahan minyak bagi mengurangkan impak samada ke atas alam sekitar, masyarakat dan pengendali/ pengusaha tempatan.

Komitmen yang tinggi dari semua pihak amat kiritkal bagi memastikan pelaksanaan kerja-kerja pembersihan tumpahan minyak berjalan lancar, teratur dan efektif di samping mengambil kira kepentingan perlindungan kepada kawasan-kawasan sensitif alam sekitar seperti taman laut dan paya bakau yang menyimpan khazanah negara yang tidak ternilai. Sehubungan ini, adalah diharapkan kerjasama dapat diberikan sepenuhnya oleh semua pihak yang terlibat bagi memastikan kelestarian alam sekitar terpelihara.

Sehubungan ini, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada semua pihak yang terlibat di dalam usaha pengemaskinian Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak Edisi 2014. Adalah diharapkan ia dapat dijadikan rujukan dan panduan semasa pelaksanaan kawalan tumpahan minyak di perairan Malaysia.



Dato' Halimah Hassan

PENGHARGAAN

Jawatankuasa Kerja Pengemaskinian Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM)

Jabatan Alam Sekitar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada ahli Jawatankuasa Kerja Pengemaskinian Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) yang terdiri daripada:-

1. Dato' Halimah Hassan, Ketua Pengarah Alam Sekitar
2. Dr. Zulkifli Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar (Operasi)
3. En. Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Pengarah Jabatan Alam Sekitar
4. Tuan Haji Hashim Daud, Pengarah Jabatan Alam Sekitar
5. Y.M. Tengku Bakry Shah Tengku Johan, Pengarah Jabatan Alam Sekitar
6. En. Zulkifli Din, Jabatan Alam Sekitar
7. En. Mohd. Sani Daud, Jabatan Alam Sekitar
8. En. Mahmud Ismail, Jabatan Alam Sekitar
9. En. Rosli Mustafa, Jabatan Alam Sekitar
10. En. Mohd. Amin Ghazali, Jabatan Alam Sekitar
11. Cik Parimala Ponniah, Jabatan Alam Sekitar
12. Cik Noorazamimah Aiza Azman, Jabatan Alam Sekitar
13. Puan Julianah Dulaidi, Jabatan Alam Sekitar
14. Tuan Haji Kamaruddin, Jabatan Alam Sekitar
15. En. Alias Bin Yusoff, Jabatan Alam Sekitar
16. En. Mohd. Sanip Saikhol Bakhri, Jabatan Alam Sekitar
17. En. Muhamad Bazli Yahaya, Jabatan Alam Sekitar
18. Laksamana Pertama Maritim Muhammad Abdul Basar Taji, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
19. Kapten Maritim Robert Teh Geok Chuan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
20. DSP. Ras Nazrin Shah Abdullah, Timbalan Pegawai Turus Gerakan, Polis DiRaja Malaysia
21. DSP. Zam Halim Jamaluddin, Polis DiRaja Malaysia
22. En. Mohd. Fairoz Rozali, Jabatan Laut
23. En. Mohd. Arma Noramin A. Rashid, Jabatan Laut
24. En. Ab. Rahim Gor Yaman, Pengarah Jabatan Taman Laut
25. En. Abd. Muntalib Juli, Pengarah Jabatan Taman Laut
26. En. Maarof Sanif, Petronas
27. Puan Noor Suhailah Othman, Petronas
28. Capt. Amir Murad, PIMMAG
29. En. Abdullah Jaafar, Jabatan Perikanan Malaysia
30. En. Mohd. Zaki Harun, Jabatan Perikanan Malaysia

SINGKATAN

AKAS	-	Akta Kualiti Alam Sekeliling
ASEAN OSRAP	-	ASEAN Oil Spill Response Action Plan
CLC 1992	-	Civil Liability for Oil Pollution Damage, 1992
FUND 1992	-	International Fund for Compensation for Oil Pollution Damage, 1992
JKKTM	-	Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak
JON	-	Jawatankuasa Operasi Negeri
MARPOL	-	International Convention for the Prevention of Pollution from Ship
OPRC	-	International Convention on Oil Pollution Preparedness and Response Cooperation
PETRONAS	-	Petroleum Nasional Berhad
PIMMAG	-	Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group
PK	-	Penyelaras Kawasan
PTK	-	Pemerintah Tempat Kejadian
RKKKTM	-	Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak
SLAR	-	Side Looking Airborne Radar
SSB	-	Single Band Radio
Tier 1	-	Peringkat Pertama
Tier 2	-	Peringkat Kedua
Tier 3	-	Peringkat Ketiga
VHF	-	Very High Frequency Radio
ZEE	-	Zon Ekonomi Eksklusif
PPE	-	Peralatan Perlindungan Persendirian





1.0 Pengenalan

1.0 PENGENALAN

1.1 UNDANG-UNDANG KEBANGSAAN DAN KONVENSYEN ANTARABANGSA

1.1.1 Undang-Undang Kebangsaan

Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal segala bentuk pencemaran yang berlaku di laut. Dari segi kawalan tumpahan minyak samada berpunca dari kapal atau punca-punca lain, Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling akan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Seksyen-Seksyen yang terlibat adalah Seksyen 27, 29, 31, 34(B), 37, 46, 47, 48 dan 49.

Untuk perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar lautan di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif, Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling akan menguatkuasakan Akta Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), 1984. Seksyen-Seksyen yang terlibat adalah Seksyen 10, 11, 12, 14, 15 dan 40.

Di samping itu undang-undang mengawal pencemaran laut juga meliputi akta-akta lain seperti berikut:

- i. Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952
- ii. Ordinan Perkapalan Saudagar (Sarawak) 1963
- iii. Ordinan Perkapalan Saudagar (Sabah) 1963
- iv. Akta Perikanan, 1985
- v. Akta Pelantar Benua, 1966
- vi. Akta Perlombongan Petroleum, 1966
- vii. Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, 2004
- viii. Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994

1.1.2 Konvensyen-Konvensyen Antarabangsa

Malaysia telah menerima pakai empat (4) konvensyen antarabangsa berhubung pencemaran laut:

- i) ***'International Convention for the Prevention of Pollution from Ships 1973, as modified by the Protocol of 1978 (MARPOL 73/78)'***

Malaysia telah menerima pakai Annex I, II dan V konvensyen ini pada 1 Mei 1997 dan Annex III, IV dan VI pada 27 Disember 2010. Untuk tujuan penguatkuasaan konvensyen ini, Jabatan Laut

merupakan agensi utama yang telah diberi kuasa untuk melaksanakannya.

Konvensyen ini menyediakan garis panduan kawalan dan pencegahan pencemaran dari kapal semasa operasi atau kemalangan:

ANNEX I	<i>Regulations for the Prevention of Pollution by Oil</i>
ANNEX II	<i>Regulations for the Control of Pollution by Noxious Liquid Substances in Bulk</i>
ANNEX III	<i>Prevention of Pollution by Harmful Substances Carried by Sea in Package Form</i>
ANNEX IV	<i>Prevention of Pollution by Sewage from Ships</i>
ANNEX V	<i>Prevention of Pollution by Garbage from Ships</i>
ANNEX VI	<i>Prevention of Air Pollution from Ships</i>

ii) ***International Convention on Oil Pollution Preparedness, Response and Co-Operation, 1990 (OPRC)***

Konvensyen ini menyediakan kaedah penyediaan rancangan-rancangan kontingensi, prosedur melapor kejadian tumpahan minyak, pengwujudan kerjasama teknikal serantau dan antarabangsa serta mempromosi usaha penyelidikan dan pembangunan kawalan tumpahan minyak kepada negara-negara parti. Malaysia menerima pakai konvensyen ini pada 30 Oktober 1997 dengan Jabatan Alam Sekitar sebagai agensi utama dan dibantu oleh Jabatan Laut.

iii) ***International Convention on Civil Liability for Oil Pollution Damage, 1992 (CLC 1992)***

Konvensyen CLC 1992 telah diratifikasi oleh Malaysia pada 9 Jun 2005 di mana konvensyen ini menetapkan prinsip liabiliti kepada pemilik kapal yang melepaskan minyak sehingga berlaku pencemaran. Tuntutan bagi pampasan bagi kerosakan pencemaran minyak (termasuk kos pembersihan) boleh dibawa terhadap pemilik kapal yang menyebabkan kerosakan.

iv) ***International Convention on the Establishment of an International Fund for Compensation for Oil Pollution Damage (FUND 1992)***

Malaysia telah menerima pakai Konvensyen FUND 1992 pada 9 Jun 2005 dengan meletakkan liabiliti pencemaran yang dilakukan oleh pemilik kapal kepada pihak insurans kapal sekiranya kerosakan yang mengakibatkan pencemaran oleh kapal melebihi liabiliti pemilik kapal di bawah CLC 1992.

1.1.3 Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara

Pada 30 Mac 2012, Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara telah diluluskan dan mengisytihar bahawa tumpahan minyak merupakan salah satu bencana maritim. Sehubungan ini, di bawah Artikel 7, Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan bertindak sebagai agensi peneraju dengan menggunakan Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) dan Jabatan Laut bertindak sebagai agensi pelaksana bagi bencana maritim yang berpunca daripada kejadian tumpahan minyak atau kemalangan yang menyebabkan pencemaran atau kemusnahan maritim. Bagi kejadian kemalangan atau kecemasan maritim melibatkan nyawa dan harta benda, agensi peneraju ialah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dengan menggunakan Manual Mencari dan Menyelamat (SAR) Kebangsaan, *International Aeronautical and Maritime Search and Rescue* (IAMSAR) Malaysia.

1.2 SKOP

- i. RKKKTM ini dirangka untuk mengawal tumpahan minyak meliputi keseluruhan kawasan perairan Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE).
- ii. Liputan Geografi bagi RKKKTM ini merangkumi Selat Melaka dan Laut China Selatan, perairan Sabah, Sarawak dan sebahagian Laut Sulawesi dan Teluk Brunei seperti di **Lampiran 1**.

1.3 OBJEKTIF

RKKKTM ini adalah bertujuan untuk memberi panduan semasa menangani kejadian tumpahan minyak dan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Untuk melaksanakan satu sistem tindakbalas serta-merta yang diselaraskan bagi mengurangkan impak ke atas alam sekitar dan ekonomi akibat kejadian tumpahan minyak;
- ii. Untuk mempertingkatkan kemampuan sumber dari segi peralatan dan kakitangan bagi menghadapi kejadian tumpahan minyak; dan

- iii. Untuk memperkukuhkan kerjasama semua agensi yang terlibat bagi memastikan keberkesanan tindakbalas kawalan tumpahan minyak.

1.4 TINDAKAN BERPERINGKAT

RKKKTM ini diaktifkan secara berperingkat iaitu Peringkat Pertama (*Tier 1*), Kedua (*Tier 2*), dan Ketiga (*Tier 3*) berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- i. Lokasi kejadian tumpahan;
- ii. Kuantiti tumpahan; dan
- iii. Keupayaan serta kemampuan untuk bertindak.

Setiap peringkat tindakan adalah berhubungkait di antara satu dengan lain dan tindakan yang diambil akan berpandukan kepada pelan-pelan kontingensi berkaitan yang sedia ada. Bagi menentukan peringkat tindakan yang sesuai, Carta Aliran Sistem Tindakbalas Tumpahan Minyak perlu dirujuk seperti di **Lampiran 2**. Tindakan di setiap peringkat mungkin berjalan serentak bergantung kepada faktor-faktor di atas.

1.4.1 Peringkat Pertama (*Tier 1*) - Tindakan Tempatan

Tindakan pembersihan tumpahan minyak di peringkat ini akan digerakkan dan dilaksanakan oleh pengendali/ pengusaha tempatan dimana tumpahan berlaku seperti di kawasan pelabuhan, terminal atau depoh pengendalian minyak serta pelantar-pelantar carigali minyak dengan memanfaatkan keupayaan kakitangan serta peralatan tempatan yang sedia ada. Tumpahan di peringkat ini biasanya kecil dan tindakan akan berpandukan kepada rancangan kontingensi tempatan masing-masing.

Setiap pelabuhan, terminal atau depoh pengendalian minyak serta pelantar-pelantar carigali minyak dikehendaki menyediakan Pelan Tindakbalas Kawalan Tumpahan Minyak *Tier 1* dan peralatan kawalan tumpahan minyak yang mencukupi.

Carta alir tindakbalas Tier 1 adalah seperti di **Lampiran 3**.

1.4.2 Peringkat Kedua (*Tier 2*) - Tindakan Negeri

Tindakbalas *Tier 2* ini diaktifkan setelah didapati keupayaan Pelan Tindakbalas Kawalan Tumpahan Minyak *Tier 1* tidak mencukupi bagi mengawal tumpahan minyak yang berlaku dan diluar skop kawasan *Tier 1*. *Tier 2* ini akan digerakkan dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) yang dipengerusikan oleh Pengarah JAS Negeri. JON perlu bersidang bagi merancang tindakbalas kawalan tumpahan minyak untuk memastikan keperluan peralatan kawalan, sumber tenaga manusia dan kewangan mencukupi.

Sekiranya peralatan kawalan dan sumber tenaga manusia tidak mencukupi, bantuan dari negeri-negeri boleh diperolehi melalui penyelarasan di peringkat Ibu Pejabat JAS yang akan menggerakkan Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (JKKTM). JKKTM juga akan digerakkan bagi menyelaraskan kerja-kerja kawalan tumpahan minyak apabila tumpahan merentasi sempadan perairan negeri-negeri.

Kerja-kerja kawalan tumpahan minyak perlu diteruskan oleh pengendali/pengusaha tempatan di kawasan *Tier 1* walaupun tumpahan minyak telah merebak keluar dari kawasan tindakan tempatan. Pelaporan oleh pengendali/pengusaha tempatan berhubung pemantauan tumpahan minyak dan kerja-kerja pembersihan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri perlu dimaklumkan dengan serta-merta.

Carta alir tindakbalas *Tier 2* adalah seperti di **Lampiran 4**.

JON ditubuhkan di setiap negeri berpantai di seluruh Malaysia. Sempadan perairan Negeri ditunjukkan pada **Lampiran 5**.

1.4.3 Peringkat Ketiga (*Tier 3*) - Tindakan Serantau

Tindakbalas *Tier 3* akan diaktifkan apabila tumpahan minyak merebak ke perairan Negara-negara jiran. Tindakan ini akan diselarasakan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

Peringkat ini melibatkan tindakan bagi mengawal kejadian tumpahan minyak yang merentasi sempadan perairan Negara dan terdapat keperluan bantuan sumber dan kepakaran dari Negara-Negara jiran.

Penyelarasan bantuan antarabangsa di peringkat ini akan dilaksanakan oleh JKKTM berdasarkan prosedur-prosedur rancangan-rancangan kontingensi serantau yang berkaitan. Di antara rancangan-rancangan kontingensi serantau

tersebut adalah seperti berikut:

- i. *ASEAN - Oil Spill Response Action Plan (ASEAN - OSRAP);*
- ii. *Standard Operating Procedure for Joint Oil Spill in the Straits of Malacca and the Straits of Singapore;*
- iii. *Standard Operating Procedure for Malaysia and Brunei Darussalam; dan*
- iv. *Cooperative Network for Oil Spill Countermeasure in the Lombok/ Makassar Straits and Sulawesi Sea.*

Carta alir tindakbalas Tier 3 adalah seperti di **Lampiran 6**.





2.0 Organisasi Rancangan

Organisasi Rancangan

2.0 ORGANISASI RANCANGAN

2.1 JAWATANKUASA KEBANGSAAN KAWALAN TUMPAHAN MINYAK (JKKTM)

Di peringkat *Tier 1* pelaksanaan tindakan akan berpandukan kepada Pelan Tindakbalas Kawalan Tumpahan Minyak *Tier 1* dan di peringkat *Tier 2* akan diselaraskan oleh JON masing-masing.

Di peringkat *Tier 3*, pelaksanaan rancangan kontingensi akan diselaraskan oleh JKKTm (ketetapan Jemaah Menteri pada 23 Jun 1976).

JKKTm akan menyelaras tindakan oleh semua agensi yang terlibat di dalam operasi melawan tumpahan minyak serta mempercepatkan tindakan yang perlu diambil. JKKTm juga bertanggungjawab sebagai penasihat kepada Pengerusi JON di dalam menjalankan tugas mereka. Sekiranya bantuan dari Negera luar diperlukan, Jawatankuasa ini melalui Kementerian Luar Negeri akan menyelaras permohonan bantuan tersebut.

Berikut ialah senarai agensi di bawah JKKTm dan JON serta peranan semasa menangani kejadian tumpahan minyak:

Agensi	Tanggungjawab
Jabatan Alam Sekitar	JKKTm • Pengerusi JKKTm; • Pegawai perhubungan pada tindakbalas Peringkat Ketiga; • Memastikan kesediaan negara dan menyelaraskan tindakbalas kepada insiden tumpahan minyak di perairan Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif; • Melaksanakan semua pelan tindakan tumpahan minyak di peringkat serantau; • Menentukan penamatan operasi; • Menyelaras bantuan luar/ sumber; • Menilai kerosakan/ penilaian impak; • Menyelaras kenyataan media.

	JON • Pengerusi JON; • Penyelaras kawasan; • Menyelarar siasatan dan pembersihan; • Menjalankan prosiding undang-undang; • Kelulusan permohonan atau penggunaan <i>dispersant</i> semasa tindakbalas tumpahan minyak; • Penasihat teknikal di bawah Pelan Tindakan Pembersihan Pantai; • Mengurus pelupusan sisa yang terhasil daripada operasi pembersihan; • Menjalankan pemantauan; • Memberi maklumat kawasan sensitif alam sekitar.
Jabatan Laut Malaysia	• Pemerintah Tempat Kejadian (<i>On-Scene Commander</i>) pada <i>Tier 2</i> dan <i>Tier 3</i>; • Memberi nasihat teknikal yang berkaitan dengan kapal-kapal yang terlibat dalam tumpahan minyak; • Menyediakan kapal, kakitangan dan lain-lain kemudahan untuk operasi pembersihan tumpahan minyak, penguatkuasaan dan mengambil alih kawalan tumpahan minyak; • Penyelaras kepada aktiviti di bawah IMO; • Memberi khidmat nasihat berkaitan tempat perlindungan bagi kapal; • Mengurus kerja-kerja salvaj dan pemindahan kargo serta penempatan kapal yang terlibat.
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	• Menyediakan kapal, kakitangan dan lain-lain kemudahan untuk operasi penguatkuasaan marin semasa kejadian tumpahan minyak; • Menjalankan siasatan ke atas kejadian tumpahan; • Menjalankan pemantauan di pesisiran pantai dan udara; • Mengawasi dan mengawal keselamatan di kawasan kejadian.
Majlis Keselamatan Negara	• Memberi nasihat mengenai kawasan sasaran penting yang berkaitan dengan keselamatan negara; • Menyelarar komunikasi dan maklum balas dengan Jawatankuasa Keselamatan Negeri; • Memantau dan memberi bantuan kepada Jawatankuasa Pembersihan Pantai Daerah/ Negeri.
Kementerian Luar Negeri	• Memberi nasihat prosedur permohonan bantuan dari negara luar; • Menyelarar perhubungan/ komunikasi diplomatik dari negara luar.

Jabatan Perikanan Malaysia	• Memberi maklumat berhubung kawasan perikanan yang terjejas; • Menilai kerosakan dan impak kepada industri perikanan; • Mengumpul kenyataan tuntutan nelayan.
Jabatan Meteorologi Malaysia	• Memberi maklumat terperinci mengenai keadaan laut dan cuaca; • Membantu perlaksanaan trajektori tumpahan minyak.
Tentera Laut DiRaja Malaysia	• Memastikan keselamatan dan kedaulatan kawasan operasi serta menjalankan pengawasan di kawasan sempadan perairan negara.
Tentera Udara DiRaja Malaysia	• Menjalankan pemantauan pergerakan tumpahan minyak melalui udara; • Mengangkut peralatan dan menjalankan penyemburan <i>dispersant</i> melalui udara.
Pasukan Gerakan Udara, JKDNKA, PDRM	• Menjalankan pemantauan udara bagi mengesan pergerakan minyak; • Memberi bantuan pengangkutan udara.
Pasukan Gerakan Marin, JKDNKA, PDRM	• Mengawasi dan mengawal keselamatan di kawasan kejadian; • Menyediakan logistik untuk kerja-kerja pengawasan.
Jabatan Kastam DiRaja Malaysia	• Membantu dan memudahkan kemasukan peralatan kawalan tumpahan minyak dari Negara luar.
Jabatan Imigresen Malaysia	• Membantu dan memudahkan kemasukan tenaga kerja dari Negara luar.
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	• Menyediakan pengangkutan peralatan melalui udara. • Menjalankan penyemburan <i>dispersant</i>.
Jabatan Taman Laut Malaysia	• Memberi maklumat mengenai kawasan-kawasan sensitif dan taman laut; • Menilai kerosakan dan kesan kepada biodiversiti marin; • Menjadi perantara kepada pengusaha pelancongan tempatan di taman-taman laut.
Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)	• Memberi khidmat nasihat berhubung kes-kes berkaitan tumpahan minyak.
Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group (PIMMAG)	• Memberi nasihat teknikal peralatan dan operasi mengawal tumpahan minyak.

Senarai perhubungan bagi ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak adalah seperti di **Lampiran 7**.

2.2 JAWATANKUASA OPERASI NEGERI (JON)

Untuk menyelaraskan operasi melawan tumpahan *Tier 2*, Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) akan dibentuk dan dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri. Keahlian JON adalah berpanduan kepada ahli-ahli JKKTM di peringkat negeri.

2.3 KONTRAKTOR

Apabila berlaku tumpahan minyak yang besar, Jabatan Laut akan diminta untuk menggerakkan peralatan-peralatan yang dimiliki oleh kerajaan dibawah jagaannya terlebih dahulu. Perkhidmatan kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan boleh dipanggil untuk melaksanakan operasi pembersihan tumpahan minyak. Walaubagaimanapun, perolehannya mestilah selaras dengan prosedur kewangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

2.4 KAKITANGAN UTAMA

2.4.1 Penyelaras Kawasan

Perlantikan Penyelaras Kawasan adalah tertakluk kepada lokasi kejadian tumpahan. Penyelaras Kawasan adalah terdiri dari Pengarah-Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri seperti di **Lampiran 8**.

Peranan Penyelaras Kawasan di antara lain adalah seperti berikut:

- Menjalankan siasatan berhubung kejadian tumpahan dan mengemukakan laporan siasatan dengan segera kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling;
- Menyelaras tindakan awal mencegah tumpahan melalui Pemerintah Tempat Kejadian (*On-Scene Commander*);
- Memantau tindakbalas *Tier 1* di kawasan pelabuhan, terminal atau depoh pengendalian minyak dan pelantar-pelantar minyak;
- Bertanggungjawab mendapatkan sampel serta mengemukakan sampel tersebut kepada Jabatan Kimia untuk dianalisa;
- Menyelaras bantuan yang diperlukan bagi kejadian tumpahan minyak di peringkat *Tier 1* dan *Tier 2*;

- Menyediakan tempat simpanan sementara buangan sisa minyak yang telah dikumpul dari kerja-kerja pembersihan; dan
- Menyediakan laporan aktiviti harian kerja-kerja pembersihan untuk tujuan memudahkan proses tuntutan kos pembersihan tumpahan dan ganti rugi.

2.4.2 Pemerintah Tempat Kejadian (*On-Scene Commander*)

Pada peringkat *Tier 1*, perantikan Pemerintah Tempat Kejadian adalah ditetapkan di bawah Pelan Tindakbalas Kawalan Tumpahan Minyak *Tier 1*. Walau bagaimanapun, apabila tumpahan minyak diisytihar sebagai tindakbalas *Tier 2* dan *Tier 3*, operasi melawan tumpahan minyak adalah di bawah Jabatan Laut Malaysia sebagai Pemerintah Tempat Kejadian dan perantikannya akan dimaklumkan kepada JON.

Peranan Pemerintah Tempat Kejadian adalah seperti berikut:

- Bertanggungjawab ke atas pengurusan aktiviti melawan tumpahan minyak di tempat kejadian dan pembersihan di laut;
- Bertanggungjawab ke atas penyaluran maklumat dan menerima arahan dari pusat kawalan operasi untuk tindakan susulan;
- Menyediakan laporan harian perjalanan operasi serta mengemukakannya kepada Penyelaras Kawasan untuk:
 - Memudahkan proses tuntutan kos pembersihan tumpahan dan ganti rugi;
 - Perancangan kerja-kerja pembersihan.
- Melaporkan status terkini operasi pembersihan di laut dari masa ke semasa secara terus kepada Penyelaras Kawasan semasa operasi pembersihan dijalankan;
- Bertanggungjawab melaksanakan taklimat keselamatan bagi operasi pembersihan di laut;
- Membuat penilaian kerja-kerja pembersihan dan membuat permohonan penamatan operasi pembersihan di laut.

2.5 PUSAT-PUSAT KAWALAN

2.5.1 Pusat Kawalan Tumpahan Minyak Kebangsaan

Pusat Kawalan bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Alam Sekitar akan berfungsi sebagai Pusat Kawalan Tumpahan Minyak Kebangsaan.

2.5.2 Pusat Kawalan Tumpahan Minyak Negeri

Pusat ini beroperasi semasa Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) diaktifkan. Komunikasi berhubung status operasi pembersihan, permohonan peralatan atau perkara-perkara lain yang berkaitan perlu disalurkan kepada JON melalui pusat ini yang bertempat di Pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri.

2.5.3 Pusat Kawalan Tempatan

Pusat ini berfungsi sebagai saluran komunikasi antara Pemerintah Tempat Kejadian dan Penyelaras Kawasan pada tindakbalas Peringkat Kedua (*Tier 2*) atau tindakbalas Peringkat Ketiga (*Tier 3*). Pusat ini ditentukan oleh JON berdasarkan faktor-faktor berikut:

- (i) Keperluan dan penilaian risiko;
- (ii) Jarak ke lokasi tumpahan; dan
- (iii) Akses kepada kemudahan komunikasi.

Carta aliran komunikasi adalah seperti di **Lampiran 9**.

2.6 PEGAWAI PERHUBUNGAN (*LIAISON OFFICER*)

2.6.1 Peringkat Ketiga (*Tier 3*)

Pada Peringkat 3 iaitu bagi kes tumpahan merentasi sempadan perairan Negara, Pengerusi JKKTM perlu melantik pegawai perhubungan untuk menyelaraskan aliran maklumat untuk semua aktiviti yang berkaitan dengan kejadian tumpahan minyak di mana:

- (a) Tumpahan ini menimbulkan ancaman pencemaran merentasi sempadan negara jiran;
- (b) Negara yang diancam oleh tumpahan minyak memohon bantuan dari Malaysia; dan
- (c) Permohonan bantuan dari negara-negara jiran di rantau ini atau sokongan antarabangsa.

2.7 PAKAR TEMPATAN

Pakar-pakar tempatan boleh dijemput untuk membantu JKKTM atau JON (jika perlu) dalam penilaian impak terhadap persekitaran marin akibat tumpahan minyak.

Pakar-pakar hendaklah terdiri daripada pelbagai disiplin dengan



3.0 Perlaksanaan Rancangan

Perlaksanaan Rancangan

3.0 PELAKSANAAN RANCANGAN

3.1 PROSEDUR MELAPOR

Semua kejadian tumpahan minyak hendaklah dilaporkan dengan serta - merta kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Laporan-laporan tersebut hendaklah dibuat secara terus atau melalui Bilik Operasi Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat, Bilik Operasi Pejabat-pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri, Pejabat-pejabat Jabatan Laut dan Pejabat-pejabat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang terdekat dengan tempat kejadian. Keperluan pelaporan ini adalah mengikut peruntukan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984 yang melarang melepaskan minyak ke dalam perairan Malaysia.

Senarai nombor-nombor telefon dan faks Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Jabatan-Jabatan Alam Sekitar Negeri, Pejabat-Pejabat Jabatan Laut dan Pejabat-pejabat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah seperti di **Lampiran 10**.

Laporan awal hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- Lokasi kejadian;
- Jenis dan saiz tumpahan;
- Tarikh dan masa kejadian dilihat atau berlaku; dan
- Maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

Adalah diingatkan bahawa perhubungan dengan menggunakan '*Single Side Band Radio (SSB)*' dan '*Very High Frequency Radio (VHF)*' sering mengalami gangguan dan lebih membimbangkan perhubungan dengan peralatan-peralatan jenis ini dipintas oleh pengguna-pengguna lain. Penggunaan telefon mudah alih adalah lebih berkesan.

3.2 PENYIASATAN AWAL

Sebaik sahaja menerima aduan berhubung kejadian tumpahan minyak, Pengarah Jabatan Alam Sekitar terdekat dengan tempat kejadian hendaklah menyelaras siasatan serta mengemukakan laporan awal siasatan selewat-lewatnya 12 jam dari aduan diterima.

Laporan penyiasatan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- Nama punca yang disyaki;
- Nama, alamat atau nombor telefon tuan punya, agen tempatan atau operator punca tumpahan;
- Lokasi kejadian;
- Tarikh dan masa kejadian dilihat atau berlaku;
- Jenis bahan tumpahan (minyak mentah, *'fuel oil'* dan lain-lain);
- Anggaran kuantiti bahan tumpahan (panjang x lebar x tebal);
- Kuantiti sebenar bahan tumpahan;
- Tindakan-tindakan awal yang telah diambil;
- Tindakan seterusnya yang dicadangkan;
- Pemerhatian lain (seperti berhampiran dengan kedudukan kawasan-kawasan berkepentingan ekonomi serta sensitif kepada pencemaran);
- Keadaan laut dan meteorologi;
- Nama dan jawatan pelapor;
- Tarikh dan masa laporan.

3.3 PENILAIAN

Tinjauan dari udara perlu dilaksanakan bagi mendapat gambaran yang lebih jelas serta anggaran yang lebih tepat berhubung kedudukan tumpahan, saiz serta jenis tumpahan. Fakta-fakta untuk tujuan menganggar kuantiti serta magnitud pergerakan tumpahan dilaksanakan dengan mengambil gambar-gambar serta video dan berdasarkan kepada data-data meteorologi dan hidrografi.

Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak perlu meneliti laporan siasatan. Berdasarkan kepada laporan siasatan tersebut, Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak akan bermesyuarat untuk menetapkan dan mengumumkan antara lain perkara-perkara berikut:

- Jawatankuasa Operasi Negeri;
- Pemerintah Tempat Kejadian;
- Peringkat tindakbalas dan strategi pembersihan;
- Pusat Kawalan Tumpahan Minyak Kebangsaan;
- Pusat Kawalan Tumpahan Minyak Negeri;
- Pusat Kawalan Tempatan; dan
- Jawatankuasa Pembersihan Pantai Negeri.

Pusat Kawalan Tumpahan Minyak Kebangsaan akan memantau status tindakan-tindakan kawalan tumpahan minyak melalui laporan yang diterima dari JON. Sekiranya sesuatu kejadian tumpahan minyak di luar kemampuan pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa kawasan berlaku, pusat kawalan akan digerakkan sepenuhnya. JKKTMM akan bermesyuarat untuk menyelaraskan pelaksanaan usaha-usaha mencegah dan mengawal tumpahan minyak tersebut. Tindakan dan pergerakan Jawatankuasa ini adalah seperti di **Lampiran 11**.

3.4 PROSEDUR PERSAMPELAN MINYAK

Persampelan minyak hendaklah dilakukan mengikut Prosedur Penguatkuasaan Marin yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

3.5 PROSEDUR MENDAPATKAN BANTUAN LUAR

Semua bentuk bantuan yang diperlukan semasa menghadapi kejadian tumpahan hendaklah disalurkan melalui JKKTMM atau JON yang berkenaan bergantung kepada peringkat tindakan yang digerakkan. Walau bagaimanapun bantuan yang diperlukan hendaklah dilaporkan ke Pusat Kawalan Tumpahan Kebangsaan untuk tujuan penyelarasan.

Permohonan bantuan peralatan yang melibatkan pergerakan melalui sempadan negara akan dikemukakan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Luar Negeri melalui wakil-wakil mereka di dalam JKKTMM sebagai langkah mempercepatkan proses kemasukan peralatan tersebut. Sementara itu, permohonan bantuan pakar-pakar dari luar negeri pula akan disalurkan melalui Jabatan Imigresen dan Kementerian Luar Negeri untuk tujuan yang sama. Di dalam hal ini butir-butir lengkap peralatan termasuk jenis peralatan, nombor siri, nombor model dan sebagainya serta butir-butir lengkap pakar-pakar terlibat perlu disertakan.

Untuk memudahkan proses mendapatkan bantuan, Borang Permohonan Mendapatkan Bantuan Luar seperti di **Lampiran 12** hendaklah digunakan.

3.6 SALVAJ DAN PEMINDAHAN KARGO

Semua tindakan berhubung dengan salvaj dan pemindahan kargo dari kapal-kapal yang terlibat di dalam kejadian tumpahan haruslah menepati keperluan-keperluan di *Part X (Wreck and Salvage), Malaysian Shipping Ordinance, 1952*.

3.7 PROSEDUR MENDAPATKAN BANTUAN PENGANGKUTAN UDARA

3.7.1 Pengangkutan Peralatan dan Kakitangan serta Tinjauan Udara

Permohonan penggunaan pesawat pengangkutan udara yang diterima akan diselaraskan oleh JKKTM di mana pengangkutan udara tersebut akan diperolehi daripada Tentera Udara Diraja Malaysia, Pasukan Gerakan Udara (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pihak-pihak lain yang mempunyai kemudahan pengangkutan udara.

3.8 PENYEDIAAN LAPORAN OPERASI

Laporan operasi kawalan tumpahan minyak yang disediakan oleh Pemerintah Tempat Kejadian dan Jawatankuasa Pembersihan Pantai perlu diselaraskan oleh Penyelaras Kawasan untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak.

3.9 PENAMATAN OPERASI

Operasi tindakbalas tumpahan minyak akan ditamatkan secara rasmi oleh Pengerusi JON (*Tier 1* dan *Tier 2*) dan Pengerusi JKKTM (*Tier 3*). Keputusan penamatan operasi adalah berpandukan kepada nasihat, cadangan teknikal dan penilaian oleh Pemerintah Tempat Kejadian dan Penyelaras Kawasan.

3.10 PENYEDIAAN TUNTUTAN

Untuk menyeragamkan serta memudahkan proses tuntutan kos pembersihan dan kerosakan akibat tumpahan minyak, semua maklumat berhubung dengan lokasi operasi, tindakan-tindakan yang diambil, kakitangan serta peralatan yang digunakan hendaklah dikemukakan dengan tepat, dengan mengisi Borang Analisa Kos seperti di **Lampiran 13**. Borang Tuntutan Ganti rugi Kerosakan dan Pampasan oleh Nelayan dan Pengusaha Ternakan Ikan di Malaysia perlu diisi oleh pihak nelayan seperti di **Lampiran 14**.

Borang-borang yang telah diisi perlu dikemukakan kepada Pengerusi JKKTM berserta dokumen-dokumen perbelanjaan.

Tuntutan yang dibuat hendaklah selaras dengan peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, *Civil Liability Convention 1992* dan *International Oil Pollution Compensation Fund 1992* yang telah diterima pakai oleh Kerajaan Malaysia. Tuntutan operasi pembersihan kepada rejim-rejim tuntutan antarabangsa (*Civil Liability Convention 1992* dan *International Oil Pollution Compensation Fund 1992*) bagi kes-kes tumpahan yang berpunca dari kapal tangki hendaklah di salurkan kepada Jabatan Laut Malaysia yang bertindak sebagai agensi penyelaras.

3.11 PENGURUSAN SISA

Sisa minyak dan sisa yang dicemari minyak yang terkumpul dari kerja-kerja pembersihan hendaklah dilupuskan ke premis yang ditetapkan dan dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Sisa dicemari minyak yang hendak dilupuskan di kawasan tapak pelupusan yang telah mendapat kelulusan JAS perlu dicampurkan dengan *binding agent* iaitu bahan-bahan organik seperti kalsium oksida (*quicklime*), simen dan sebagainya. Pembakaran terbuka sisa minyak tidak dibenarkan sama sekali.

3.12 PENILAIAN *POST SPILL*

Pihak yang mencemar hendaklah melaksanakan kajian penilaian *Post Spill* di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar bagi tempoh yang ditetapkan. Laporan *Post Spill* perlu dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar. Kos yang terlibat dalam menjalankan kajian ini akan ditanggung oleh pihak yang mencemar. Kajian ini akan menjadi asas bagi tuntutan terhadap kerosakan alam sekitar.

3.13 HIDUPAN LIAR

JKKTM atau JON boleh mendapatkan bantuan pakar daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Semenanjung Malaysia), Jabatan Hidupan Liar Sabah dan Jabatan Perhutanan dalam operasi menyelamatkan dan memastikan keselamatan hidupan liar di kawasan terabit.

3.14 PELAN TINDAKBALAS KAWALAN TUMPAHAN MINYAK (*TIER 1*)

Semua operator dan premis yang menjalankan aktiviti berisiko menyebabkan tumpahan minyak yang beroperasi di perairan Negara, Zon Ekonomi Eksklusif, persisiran pantai dan kawasan berhampiran pantai, diwajibkan mempunyai Pelan Tindakbalas Kawalan Tumpahan Minyak *Tier 1* berdasarkan kajian Risiko Pencemaran Tumpahan Minyak berpandukan kepada Seksyen 31 Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984.





4.0 Hal-hal Lain

Hal-Hal Lain

4.0 HAL-HAL LAIN

4.1 KESELAMATAN KAKITANGAN

Faktor keselamatan kakitangan seharusnya tidak boleh dipandang ringan ataupun dikompromi kerana ia memainkan peranan yang sama pentingnya semasa kejadian tumpahan minyak yang sebenar.

Prosedur keselamatan di atas kapal perlu dipatuhi sepenuhnya iaitu termasuklah penyediaan peralatan pemadaman kebakaran, jaket-jaket keselamatan dan Peralatan Perlindungan Persendirian (PPE) sebelum kapal belayar ke lokasi.

Semua pihak yang berada di atas kapal hendaklah menggunakan sepenuhnya Peralatan Perlindungan Persendirian (PPE). Merokok adalah dilarang semasa kerja-kerja pembersihan tumpahan minyak dilakukan.

Sebelum bertolak dari pengkalan, semua kapal hendaklah menyediakan senarai nama mereka yang berada dalam pelayaran, nama saudara terdekat mereka dan nama syarikat yang diwakili masing-masing dan menghantar senarai tersebut kepada Penyelaras Kawasan.

4.2 PERHUBUNGAN AWAM

Semua kenyataan media berhubung dengan kejadian tumpahan minyak boleh dikeluarkan oleh Pengerusi JKKT. Bagaimanapun, Pengerusi Jawatankuasa Operasi Negeri dan Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan Pantai dibenarkan mengeluarkan kenyataan media dengan dimaklumkan kepada Pengerusi JKKT dan Pengerusi JON.

Format kenyataan media adalah seperti di **Lampiran 15**.

4.3 KURSUS DAN LATIHAN KAWALAN TUMPAHAN

Kursus dan latihan bagi mempertingkatkan kecekapan dan kemahiran pegawai serta kakitangan yang terlibat dalam kawalan tumpahan minyak perlu dirancang dan dilaksanakan mengikut jadual. Latihan yang dilaksanakan hendaklah merangkumi teori dan praktikal. Di samping itu, latihan perlu dirancang untuk menguji keberkesanan rancangan kontingensi, sistem komunikasi, kesediaan peralatan kawalan dan sumber-sumber lain yang terlibat.

4.4 PINDAAN DAN KAJIAN SEMULA RANCANGAN KONTINGENSI KEBANGSAAN KAWALAN TUMPAHAN MINYAK

Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) hendaklah disemak dan dikaji semula dari masa ke semasa. Sebarang pengemaskinian senarai perhubungan kakitangan, peralatan dan sebagainya hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Pertukaran Maklumat seperti di **Lampiran 16**.

4.5 KAEDAH MENGAWAL TUMPAHAN MINYAK

Kaedah-kaedah untuk mengawal tumpahan minyak adalah seperti berikut:

- i. Mengepung dan mengumpul tumpahan;
- ii. Menggunakan *dispersant* yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar;
- iii. Mengawasi pergerakan minyak; dan
- iv. Melaksanakan pembersihan pantai.

Faktor-faktor yang perlu diambil kira bagi menetapkan kaedah kawalan tumpahan minyak adalah seperti berikut:

- Lokasi tumpahan;
- Kuantiti serta jenis minyak;
- Keadaan laut dan meteorologi;
- Keupayaan bertindakbalas;
- Kawasan sensitif alam sekitar; dan
- Kawasan sasaran penting keselamatan.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, Penyelaras Kawasan perlu meneliti kaedah yang paling berkesan bagi mempercepatkan tempoh masa pembersihan, mengurangkan impak ke atas alam sekitar dan kos yang terlibat.

4.5.1 Mengepung Dan Mengumpul Tumpahan Minyak

Mengepung dan mengumpul tumpahan minyak adalah satu kaedah yang biasa digunakan untuk mengawal tumpahan minyak di laut. Kaedah ini bertujuan untuk menyekat pergerakan minyak ke pantai atau ke kawasan-kawasan sensitif.

Melalui kaedah ini tumpahan minyak dikepung dengan menggunakan *oil boom* dan dikumpulkan dengan menggunakan *oil skimmer*, pam, *sorbent*, teknik-teknik manual atau peralatan yang bukan khusus untuk tujuan ini seperti *vacuum trucks*. Di samping itu juga *oil boom* boleh digunakan untuk mengubah arah pergerakan tumpahan minyak menjauhi kawasan sensitif.

Keberkesanan kaedah mengepung dan mengumpul tumpahan minyak ini dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti berikut:

- i. Kelajuan arus (tidak melebihi 0.5 meter sesaat);
- ii. Keadaan ombak (tidak melebihi 0.7 meter);
- iii. Perubahan mendadak keadaan cuaca; dan
- iv. Kesesuaian peralatan dengan jenis dan keadaan minyak.

Antara halangan yang dihadapi bagi melaksanakan kaedah mengepung dan mengumpul tumpahan minyak adalah mengawal pergerakan kapal di kawasan operasi pembersihan. Selain itu, kesukaran juga dihadapi bagi mengenal pasti tompokan minyak yang tebal untuk menentukan keutamaan pemasangan *oil boom*. Oleh yang demikian, Pemerintah Tempat Kejadian perlu menggunakan khidmat pesawat udara bagi tujuan ini.

Senarai stokpile peralatan tumpahan minyak termasuk *oil boom* adalah seperti di **Lampiran 17** dan peta menunjukkan lokasi penempatan adalah seperti **Lampiran 18**.

4.5.2 Penggunaan *Dispersant*

Penggunaan dispersant hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Alam Sekitar dan perlu mengikut Garis Panduan Penggunaan *Dispersant* yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar. *Dispersant* yang akan digunakan adalah dari jenis dan produk *dispersant* yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

4.5.3 Pembersihan Pantai

Setelah minyak mencemari kawasan pantai, Jawatankuasa Pembersihan Pantai perlu digerakkan untuk kerja-kerja pembersihan mengikut Pelan Tindakan Pembersihan Pantai masing-masing.

4.5.4 Pengawasan Pergerakan Minyak

